

Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 4

BAB 2

Pada pendapat saya, penjajahan bentuk baharu dapat dielakkan jika perpaduan antara penduduk sentiasa dipelihara. Hal ini boleh menjamin keamanan negara agar sentiasa dipelihara dan mengelakkan daripada pergaduhan antara kaum yang boleh menyebabkan kuasa luar campur tangan.

Selain itu, semua pihak mesti sentiasa mengambil pendekatan rundingan jika berlaku sesuatu krisis. Penglibatan pihak luar untuk menyelesaikan masalah dalam negara perlu dielakkan kerana hal ini boleh membuka ruang pihak luar campur tangan dalam negara. Contohnya, James Brooke menjajah Sarawak setelah Pangeran Muda Hashim meminta bantuannya untuk mengatasi masalah dalaman Sarawak pada pertengahan abad ke-19 dahulu.

Jelasnya, kedaulatan negara merupakan tanggungjawab semua rakyat.

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)

(Maksimum = 4 markah)